

TARIKH : 8 SEPTEMBER 2021

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

Komited bangun semula ekonomi

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarahrahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia komited untuk membangunkan semula ekonomi lebih kompetitif sebagai usaha meletakkan bidang itu pada kedudukan lebih kukuh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, dalam usaha itu, kerajaan akan mengkaji semula dasar dan strategi termasuk mewujudkan persekitaran dasar kondusif bagi sektor swasta selain untuk kemudahan pelabur tempatan dan asing.

Beliau berkata, antara langkah penting ialah intipati Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) iaitu sebuah rancangan



MUSTAPA MOHAMED

pembangunan negara dalam tempoh lima tahun yang akan dibentangkan pada 27 September ini yang mana pihak Unit

Perancang Ekonomi (EPU) telah mengadakan libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan sejak April 2019.

"Seperti rancangan lima tahun sebelumnya, RMK12 akan memberikan trajektori menyeluruh agenda pembangunan kerajaan.

"Ia menyediakan panduan kepada agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, pelabur dan masyarakat secara umum mengenai keseluruhan hala tuju kerajaan Malaysia," katanya dalam ucapan di webinar bertajuk 'RMK-12: Membangunkan Negara dalam Semangat Keluarga Malaysia', semalam.

Mustapa berkata, kerajaan turut memberi fokus kepada

pertumbuhan dan pembangunan inklusif serta menghasilkan lebih banyak perpaduan dan penyatuan dalam konteks Keluarga Malaysia.

Katanya, ini termasuk memastikan mekanisme penyampaian kerajaan ditingkatkan untuk memenuhi matlamat pembangunan negara.

Dalam pada itu, Mustapa menggariskan beberapa keutamaan kerajaan dalam tempoh 10 tahun akan datang termasuk meningkatkan pendapatan, menghapuskan kemiskinan mutlak dan mengurangkan jurang pembangunan antara negeri dan wilayah.

"Ini bagi memastikan pertumbuhan berkualiti yang mam-

pan iaitu pertumbuhan tanpa menjejaskan persekitaran.

"Kerajaan kekal komited untuk memastikan dasarnya sentiasa mengambil kira keperluan memulihara kekayaan kepelbagaian bionegara demi kepentingan generasi masa depan," katanya.

